

**ANALISA EKOPELANCONGAN DI LANGKAWI**

**ROZITA BINTI CHE NEN**

**4647**



**FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**2003**

**G  
155  
R893  
2003**



# UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : ANALISA EKOPELANCONGAN DI LANGKAWI

SESI PENGAJIAN : 2002/03

Saya ROZITA BINTI CHE NEN

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*\* sila tandakan ( ✓ )

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

K. N. N.

(TANDATANGAN PENULIS)

M. N. N.

(TANDATANGAN PENYELIA)

Muzahir Haji Ayeh

Pengarah

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Alamat Tetap:

NO. 100 - B KG TEROI JALAN BUKIT

08800 GURUN

KEDAH DARUL AMAN

Tarikh: 6/3/2003

Tarikh: 6/3/2003

Catatan: \* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda  
\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

1

**ANALISA EKOPELANCONGAN DI LANGKAWI**

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS



0000115903

**Oleh**

**Rozita Binti Che Nen**  
**No. Matrik: 4647**

**Projek dipersembahkan kepada  
Fakulti Ekonomi Perniagaan  
sebagai memenuhi syarat pengijazahan  
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Perniagaan  
Dengan Kepujian  
(Program Pelancongan dan Hospitaliti)**

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**  
**2002/03**

## **PENGESAHAN PELAJAR**

Saya mengakui bahawa Projek Tahun Akhir bertajuk  
**“ANALISA EKOPELANCONGAN DI LANGKAWI”** ini adalah hasil kerja saya  
sendiri kecuali nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya  
nyatakan sumbernya.

17/03/2003

Tarikh Serahan



---


Rozita Binti Che Nen  
No Matrik: 4647  
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Sarawak

## **PENGESAHAN PENYELIA**

Setelah diteliti Projek Tahun Akhir bertajuk “**ANALISA EKOPELANCONGAN DI LANGKAWI**” yang dibuat oleh Rozita Binti Che Nen (4647), pihak penyelia berpuashati dengan Projek Tahun Akhir ini sebagai memenuhi syarat pengijazahan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Perniagaan dengan Kepujian (Program Pelancongan dan Hospitaliti).

20/3/2003/

Tarikh Serahan



Puan Norazirah Binti Haji Ayob  
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Sarawak

## **ABSTRAK**

### **ANALISA EKOPELANCONGAN DI LANGKAWI**

**Oleh**

**Rozita Binti Che Nen**

Ekopelancongan adalah satu nama yang tidak asing lagi dalam industri pelancongan pada masa kini. Kewujudannya memberi peluang atau faedah yang terbaik kepada seluruh anggota yang terlibat dengan menggunakan faktor penekanan terhadap pengekalan dan pemuliharaan alam semulajadi. Sebagai salah satu industri yang menyumbang kepada pendapatan negara, ia juga mementingkan kebajikan hidup dapat dinikmati oleh masyarakat setempat serta berfungsi sebagai pendidikan persekitaran kepada setiap individu. Berikutan itu, kajian dijalankan ke atas LADA Eco-Tourism adalah sebagai satu penumpuan untuk melihat dan memahami tentang definisi serta konsep yang lebih mendalam. Selain itu, pengaplikasian juga dilihat dengan membandingkan proses perlaksanaan yang dijalankan oleh LADA Eco-Tourism dengan teori atau prinsip-prinsip yang ada. Di Langkawi, pelancongan berkonsepkan ekopelancongan sememangnya wujud tetapi pemahaman tentangnya tidak begitu mendalam. Begitu juga dengan tahap pengaplikasiannya dalam mewujudkan Langkawi sebagai ekopelancongan yang mana tanggungjawab terhadap persekitaran dalam proses melaksanakannya masih berada di tahap yang rendah. Penglibatan semua pihak adalah perlu dan pembangunan ekopelancongan bukanlah bertujuan untuk kepentingan ekonomi semata-mata tetapi juga untuk pengekalan dan pemuliharaan alam semulajadi serta menjaga kebajikan masyarakat kini dan generasi akan datang.

## **ABSTRACT**

### **ANALYSIS ON ECO-TOURISM IN LANGKAWI**

**By**

**Rozita Binti Che Nen**

Eco-tourism is well known throughout the tourism industry of today. Its existence gives benefits to all that are involved, by using the stressing factor on maintaining and preserving nature. As one of the industry that contributes money to the country, it also gives priority to the welfare of local citizens and acts as an education platform on nature for individuals. This research has focuses on trying to understand deeply the concept and definition of eco-tourism itself. Other than that is, differentiating the applications used in the process of work on eco-tourism in Langkawi and other countries. In Langkawi, tourism using the eco-tourism concept does exist, but it lacks the understanding. The same goes to the level of application used in making Langkawi as an eco-tourism destination, where by the responsibilities towards nature in its process is still low. The involvement of all stakeholders are essential and development ecotourism was not meant solely for economics purpose but for conservations of environment and the well being of local community and the next generations.



## **PENGHARGAAN**

**Assalamualaikum w.b.t....**

Syukur kepada Ilahi dengan limpah dan rahmatnya akhirnya saya dapat menyiapkan projek tahun akhir yang amat penting ini. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih buat penyelia yang saya sanjungi, Pn. Norazirah Binti Ayob juga selaku penyelaras program Pelancongan dan Hospitaliti yang banyak membimbing dan mendidik saya dalam menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga buat 'reader', Encik Jamal Abdul Nassir yang telah banyak memberi nasihat dan mendorong saya dalam menghasilkan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat En. Syaikh Azahar Bin Syaikh Hussain di atas tunjuk ajar sepanjang sesi pembelajaran bersama beliau dan juga semua pensyarah dan kakitangan di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UNIMAS. Terima kasih.

Sekalung penghargaan juga buat pengarah urusan LADA Eco-Tourism, Encik Yazid bin Jais, AMN., BCK dan juga kakitangan di LADA Eco-Tourism di atas kesudian memberi segala maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Tidak lupa juga buat sahabat yang banyak membantu dalam menyiapkan projek ini iaitu Mohd. Zamzuri bin Ya (kakitangan LADA) dan sahabatnya Rizal. Budi baik kalian akan dikenang sampai bila-bila.

Jutaan terima kasih dan salam sayang buat kedua insan yang teristimewa, Che Nen Bin Hassan (ayah) dan I'shah Binti Wahab (ibu) serta keluarga yang mendidik, mendorong dan banyak berkorban untuk saya sepanjang berada di UNIMAS. Buat keluarga angkat dan teman-teman seperjuangan, kerjasama dan sokongan anda amat saya hargai dan hubungan kita akan dikenang hingga ke akhir hayat.

**- SEKALUNG BUDI, SETULUS KASIH -**



## ISI KANDUNGAN

### PERKARA

### MUKA SURAT

SENARAI JADUAL ..... vi

SENARAI RAJAH ..... viii

**BAB 1: PENDAHULUAN .....1 – 11**

1.1 Pengenalan ..... 1

1.2 Penyataan Masalah ..... 4

1.3 Objektif Kajian ..... 7

1.4 Rasional Kajian ..... 8

1.5 Hipotesis Kajian ..... 9

1.6 Batasan Kajian ..... 10

**BAB 2: ULASAN KARYA .....12 – 23**

2.1 Definisi dan Konsep Ekopelancongan ..... 12

2.2 Prinsip-prinsip Ekopelancongan ..... 16

2.3 Kesimpulan ..... 22

**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN .....24 – 29**

3.1 Corak Penyelidikan ..... 24

3.2 Pengumpulan Data

3.2.1 Data Primer ..... 26

3.2.2 Data Sekunder ..... 28

3.2.3 Teknik Persampelan ..... 28

3.3 Penganalisaan Data

3.3.1 Penggunaan Program SPSS 11.0 ..... 29

3.3.2 Penggunaan Microsoft Excel ..... 29

3.3.3 Jadual dan Graf ..... 29



<b>BAB 4: KEPUTUSAN KAJIAN</b> .....	<b>30 – 61</b>
<b>4.1 BAHAGIAN PERTAMA: Sesi Temuramah</b>	
4.1.1 Pihak-pihak bertanggungjawab .....	31
4.1.2 Konsep dan prinsip-prinsip ekopelancongan .....	32
4.1.3 Kawasan ekopelancongan di Langkawi .....	34
4.1.4 Program/usaha ekopelancongan yang dijalankan .....	35
4.1.5 Pemahaman, penerimaan dan penglibatan masyarakat .....	37
4.1.6 Kawasan yang berpotensi sebagai ekopelancongan .....	39
4.1.7 Masalah yang dihadapi .....	40
<b>4.2 BAHAGIAN KEDUA</b>	
<b>Bahagian A:</b>	
4.2.1 Jantina .....	45
4.2.2 Umur .....	46
4.2.3 Bangsa .....	46
4.2.4 Tempat Tinggal .....	47
4.2.5 Pekerjaan .....	48
4.2.6 Taraf Pendidikan .....	49
4.2.7 Pendapatan .....	45
<b>Bahagian B:</b>	
4.2.8 Pengetahuan tentang ekopelancongan .....	51
4.2.9 Pengetahuan tentang fungsi LADA Eco-Tourism .....	51
4.2.10 Projek/usaha ekopelancongan yang pernah dijalankan .....	52
4.2.11 Penglibatan responden dalam aktiviti yang dijalankan .....	53
4.2.12 Faedah yang diterima daripada aktiviti ekopelancongan .....	53
4.2.13 Aktiviti ekopelancongan membantu meningkatkan kebajikan hidup ...	54
4.2.14 Sokongan masyarakat terhadap aktiviti ekopelancongan .....	55
4.2.15 Kepentingan kebajikan masyarakat .....	55



**PERKARA**

**MUKA SURAT**

4.3 'Crosstabulation'

4.3.1 Pengetahuan tentang ekopelancongan berdasarkan taraf pendidikan .....	56
4.3.2 Penglibatan berdasarkan bangsa responden .....	57
4.3.3 Sokongan masyarakat berdasarkan bangsa responden .....	58
4.3.4 Pengetahuan responden tentang fungsi LADA Eco-Tourism dengan pengetahuan tentang ekopelancongan di Langkawi .....	59
4.3.5 Sokongan atau persetujuan masyarakat berkaitan aktiviti yang dijalankan mebantu meningkatkan kebajikan hidup masyarakat .....	59

**BAB 5: PERBINCANGAN .....62 – 84**

5.1 Perbincangan kajian

5.1.1 Perbincangan mengenai pemuliharaan persekitaran .....	63
5.1.2 Perbincangan mengenai kepentingan ekonomi .....	65
5.1.3 Perbincangan mengenai kesan daripada pembangunan ekopelancongan	67
5.1.4 Perbincangan mengenai kepentingan pendidikan .....	68
5.1.5 Perbincangan mengenai penglibatan pihak-pihak yang terlibat .....	71
5.1.6 Perbincangan mengenai pengurusan pelancong .....	74

5.2 Perbincangan mengenai 'SWOT'

5.2.1 Kekuatan ( <i>Strengthen</i> ) .....	77
5.2.2 Kelemahan ( <i>Weaknesses</i> ) .....	79
5.2.3 Peluang ( <i>Opportunity</i> ) .....	81
5.2.4 Ancaman ( <i>Threat</i> ) .....	82

**BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN .....85 – 93**

6.1 Kesimpulan .....

6.2 Cadangan

6.2.1 Pihak kerajaan .....	89
6.2.2 Pihak swasta .....	90



**PERKARA**

**MUKA SURAT**

6.2.3 Pihak-pihak yang terlibat ..... 90  
6.2.4 Masyarakat ..... 91  
6.2.5 Kajian akan datang ..... 92

**BIBLIOGRAFI .....94 – 96**

**LAMPIRAN .....97 - 100**

Lampiran A: Pelan Struktur Pembangunan Langkawi ..... 98  
Lampiran B: Peta Langkawi ..... 99  
Lampiran C: Borang Soal Selidik ..... 100



## SENARAI JADUAL

		<b>Muka surat</b>
Jadual 1	Jumlah pelancong yang mengunjungi Langkawi (1986-2000)	5
Jadual 2	Taburan responden berdasarkan umur	46
Jadual 3	Taburan responden berdasarkan bangsa	47
Jadual 4	Taburan responden mengikut tempat tinggal	47
Jadual 5	Taburan kekerapan berdasarkan pendapatan	50
Jadual 6	Pengetahuan dan pemahaman tentang ekopelancongan	51
Jadual 7	Pengetahuan tentang fungsi LADA Eco-Tourism	52
Jadual 8	Aktiviti ekopelancongan pernah dijalankan	52
Jadual 9	Penglibatan responden	53
Jadual 10	Faedah-faedah yang diterima daripada aktiviti ekopelancongan	54
Jadual 11	Aktiviti membantu meningkatkan kebajikan masyarakat	54
Jadual 12	Sokongan masyarakat terhadap aktiviti yang dijalankan	55
Jadual 13	Kepentingan kebajikan masyarakat dalam pelaksanaan projek	56
Jadual 14	'Crosstabulation' antara pengetahuan tentang ekopelancongan dengan taraf pendidikan	57
Jadual 15	'Cosstabulation' antara penglibatan dengan bangsa responden	57
Jadual 16	'Crosstabulation' antara sokongan dengan bangsa responden	52
Jadual 17	'Crosstabulation' antara pengetahuan tentang fungsi LADA Eco-Tourism dengan pengetahuan tentang ekopelancongan di Langkawi	59

<b>Jadual 18</b>	<b>'Crosstabulation' antara sokongan dengan aktiviti yang dijalankan</b>	<b>60</b>
<b>Jadual 19</b>	<b>'Crosstabulation' antara sokongan dengan penglibatan dalam aktiviti ekopelancongan</b>	<b>61</b>
<b>Jadual 20</b>	<b>Analisa 'SWOT'</b>	<b>77</b>



## SENARAI RAJAH

		<b>Muka surat</b>
Rajah 1	Jumlah pelancong yang mengunjungi Langkawi (1986 – 2000)	4
Rajah 2	Taburan responden berdasarkan jantina	45
Rajah 3	Taburan kekerapan berdasarkan pekerjaan	48
Rajah 4	Taburan kekerapan berdasarkan taraf pendidikan	49

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Sejak beberapa dekad yang lalu, pelancongan telah menjadi salah satu daripada tradisi dan faktor ekonomi yang utama. Sumbangannya terhadap negara bukan sahaja dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat malahan dapat mendedahkan imej sesebuah negara kepada seluruh masyarakat di dunia. Kini, antara aktiviti pelancongan yang baru dan mendapat sambutan ramai adalah pelancongan berasaskan alam semulajadi atau lebih dikenali sebagai ekopelancongan. Aktiviti ini memperlihatkan satu pendekatan pelancongan yang bukan sahaja sesuai dijadikan sebagai alternatif pelancongan kepada pelancong malahan turut menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi kawasan pedalaman dan pemeliharaan alam persekitaran.

Dalam beberapa tahun yang lepas, ramai penyelidik telah memperkenalkan idea bagaimana penduduk tempatan dapat menggunakan aktiviti-aktiviti pelancongan dan mengaut keuntungan daripadanya. Pelbagai gelaran atau nama telah diberikan seperti '*nature tourism*', '*soft tourism*', '*responsible tourism*', dan '*ecotourism*' (Schaller, 2002). Semuanya dilihat sebagai alternatif bagi pelancongan besar-besaran. Walaubagaimanapun, ekopelancongan memperlihatkan sesuatu yang menarik untuk dibangunkan bukan sahaja untuk kepentingan pelancong malahan kepada penduduk



sekelilingnya. Kini, aktivitinya yang mementingkan pengekaln alam semulajadi ini berjaya menarik perhatian masyarakat dan organisasi pelancongan amnya.

Kebanyakan definisi berkaitan dengan ekopelancongan menggunakan konsep yang berkaitan dengan '*sustainable development*' (pembangunan mampan). Sebagai contohnya, Redclift (1987) telah menghasilkan bukunya yang bertajuk '*Sustainable Develoment; Exploring the Cotradictions*' yang menekankan kepada usaha menyatukan pembangunan ekonomi dengan '*ecological sustainibility*' yang menumpukan kepada konsep asas ekopelancongan (dipetik daripada Schaller, 2002). Secara dasarnya, pembangunan mampan merupakan salah satu kriteria yang penting dalam mewujudkan aktiviti pelancongan berasaskan alam semulajadi. Untuk pemahaman yang lebih mendalam, definisi dan konsep tentang ekopelancongan akan dibincangkan menerusi kajian ini.

Terdapat pelbagai teori yang dikemukakan mengenai ekopelancongan. Kewujudan aktiviti pelancongan yang dikenali sebagai ekopelancongan ini mendapat perhatian daripada pelbagai pihak atau organisasi yang terlibat dengan aktiviti pelancongan. Antaranya ialah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). LADA telah ditubuhkan pada 15hb Mac 1990 di bawah Akta 423, Akta Pembangunan Langkawi. Fungsi utama penubuhannya seperti yang termaktub di dalam Akta 423 adalah;

- i) untuk menggalak, menggiat, mempercepat dan melaksanakan pembangunan sosio-ekonomi di kawasan Lembaga pembangunan Langkawi,

- ii) untuk menggalak dan memajukan kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai,
- iii) menggalak, menggiat dan melaksanakan pembangunan pelancongan dan infrastruktur serta tempat kediaman, pertanian, perindustrian dan perdagangan di kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi dan untuk menyelaraskan prestasi aktiviti-aktiviti kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi seperti yang tertera di atas.

LADA terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Bahagian Kewangan, Bahagian Teknikal, Bahagian Perancangan, Bahagian Pentadbiran, Bahagian pelancongan dan Unit Perhubungan. Melihat kepada potensi sebagai destinasi berkonsepkan alam semulajadi, LADA juga telah menubuhkan sebuah anak syarikat yang menguruskan harta LADA seperti Summer Palace, Burau Bay dan Oriental Village iaitu LADA Eco-Tourism.


LADA Eco-Tourism ditubuhkan pada Ogos 2002. LADA Eco-Tourism merupakan sebuah organisasi yang menguruskan aktiviti di Langkawi berasaskan ekopelancongan. Persekitaran Langkawi yang kaya dengan sumber alam semulajadi ini memungkinkan pembangunan pelancongan secara ekopelancongan mampu dijalankan. Tetapi sejauhmanakah penekanan ekopelancongan di Langkawi dijalankan jika dirujuk kepada teori yang diketengahkan atau diwar-warkan? Oleh yang demikian, topik ini dipilih untuk dikaji bagi mengetahui persamaan atau perbezaan antara aplikasi ekopelancongan yang dilakukan di Langkawi dengan teori yang wujud dan prinsip serta praktik yang dicadangkan.



## 1.2 PENYATAAN MASALAH

Pelancongan merupakan antara sektor yang semakin berkembang maju di seluruh negara termasuk negara Malaysia. Di Malaysia, sektor pelancongan merupakan sektor kedua terpenting dalam menyumbang pendapatan kepada ekonomi negara. Keadaan ini dapat dilihat dengan penumpuan yang sepenuhnya oleh kerajaan terhadap pembangunan yang telah banyak dijalankan terutamanya bagi tujuan pelancongan. Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai destinasi pelancongan yang wujud berikutan permintaan yang meningkat terhadap aktiviti pelancongan di Malaysia amnya.

Rajah 1: Jumlah pelancong yang mengunjungi Langkawi (1986 – 2000)



Sumber: LADA, 2002

Antara destinasi pelancongan yang kini menjadi tumpuan ramai adalah Pulau Langkawi. Langkawi merupakan sebuah pulau pelancongan alam semulajadi yang mendapat



sambutan baik tidak kira dari dalam atau luar negara. Merujuk kepada statistik ketibaan pelancong ke Langkawi, dijangkakan seramai 1,800,000 orang datang melancong ke destinasi ini pada tahun 2000 berbanding pada tahun 1999 iaitu seramai 1,559,528 orang (rujuk jadual 1). Keadaan ini menunjukkan peningkatan aktiviti pelancongan di Langkawi yang memberangsangkan.

Jadual 1: Jumlah pelancong yang mengunjungi Langkawi (1986 – 2000)

Tahun	Jumlah Kedatangan
1986	209,763
1987	310,004
1988	428,778
1989	658,993
1990	783,687
1991	879,252
1992	1,046,919
1993	1,321,301
1994	1,598,126
1995	1,795,406
1996	1,712,639
1997	1,622,044
1998	1,295,341
1999	1,559,528
2000	jangkaan 1,800,000

Sumber: LADA, 2002

Sehubungan dengan perkembangan aktiviti pembangunan pelancongan yang pesat ini, langkah-langkah yang wajar perlu diambil oleh semua pihak untuk memastikan pertumbuhan yang berlaku adalah yang bersifat mampan. Destinasi-destinasi pelancongan yang dipopularkan hendaklah dirancang sebaiknya supaya tidak merosakkan dan seterusnya memusnahkan punca pendapatan kepada ekonomi tempatan. Destinasi-destinasi ini perlu dijaga dan dilindungi dengan rapi supaya ia tetap unggul hingga ke masa hadapan.



Seperti yang dikatakan oleh Wearing dan Neil (1999), ekopelancongan merupakan aktiviti pelancongan yang memfokuskan pengetahuan dan kesedaran tentang pentingnya alam semulajadi. Pengetahuan dan kesedaran ini bukan sahaja diperlukan daripada organisasi yang terlibat dengan aktiviti pelancongan malahan daripada sokongan kerajaan, masyarakat dan juga pelancong sendiri. Melalui pengetahuan dan kesedaran tersebut, ia dapat dijadikan sebagai faktor motivasi terhadap ekopelancongan (Wearing dan Neil, 1999). Kewujudan produk pelancongan ini mendapat perhatian pelbagai individu di seluruh pelusuk dunia terutamanya pencinta alam semulajadi.

Dalam konteks pelancongan, pengkalan atau pembangunan mampan terhadap alam semulajadi memainkan peranan penting dalam mewujudkan keadaan persekitaran kekal sepertimana asalnya. Untuk tujuan tersebut, sebarang aktiviti pembangunan yang dijalankan harus menitikberatkan penjagaan dan pengkalan kawasan persekitaran serta memberi penekanan terhadap penerimaan masyarakat setempat dengan kewujudannya (Scase et. al., 1992: 14, dipetik daripada Wearing dan Neil, 1999). Bagi mencapai tujuan tersebut, penduduk setempat perlu terlibat sama dalam proses mencapai matlamat yang diinginkan supaya tidak akan timbul sebarang masalah khususnya kesan daripada pembangunan yang dijalankan ke atas mereka. Jika dilihat secara logiknya, sememangnya penglibatan masyarakat setempat diperlukan dalam mengekalkan persekitaran mereka sebagai fokus utama produk yang mengekalkan keaslian sesebuah destinasi tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini juga cuba untuk mengetahui samada ekopelancongan di Langkawi turut mempertimbangkan keadaan dan penglibatan

penduduk setempat dalam operasi yang dilakukan dan juga kesan kewujudan ekopelancongan itu sendiri kepada masyarakat di kawasan tersebut.

Tambahan lagi, Tahun 2002 telah diiktiraf sebagai 'Tahun Ekopelancongan Peringkat Kebangsaan' oleh The International Ecotourism Society (2001). Dengan pengiktirafan ini, ia menunjukkan bahawa ekopelancongan merupakan aktiviti pelancongan yang semakin penting dalam meningkatkan lagi perkembangan industri pelancongan. Sehubungan dengan itu, adalah sesuai untuk kita menganalisa semula secara kritikal sejauhmana aktiviti ekopelancongan berjaya dijalankan di Langkawi pada masa ini.

Secara keseluruhannya, kajian yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk melihat aplikasi ekopelancongan yang diterapkan di Langkawi dan juga kewujudannya kepada masyarakat setempat. Kajian ini cuba membincangkan usaha-usaha ekopelancongan dan pendekatan-pendekatan yang diaplikasikan di Langkawi berdasarkan teori, konsep dan prinsip ekopelancongan yang telah diwar-warkan.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

#### **1.3.1 Objektif umum**

Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk menganalisa sejauhmana aplikasi ekopelancongan yang diterapkan di Langkawi dan pembabitan masyarakat tempatan dalam operasi tersebut.



### 1.3.2 Objektif khusus

- (a) Mengenalpasti usaha-usaha ekopelancongan yang dijalankan di Langkawi,
- (b) Menilai sejauhmana pemahaman dan penglibatan masyarakat tempatan di dalam operasi ekopelancongan daripada pandangan mereka sendiri,
- (c) Menganalisa secara ringkas kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (SWOT) terhadap operasi ekopelancongan di Langkawi,
- (d) Membincangkan aplikasi ekopelancongan di Langkawi berdasarkan teori, konsep dan contoh praktikal ekopelancongan yang berjaya dan
- (e) Memberikan atau menyatakan cadangan untuk mempertingkatkan lagi operasi ekopelancongan di Langkawi.

## 1.4 RASIONAL KAJIAN *(suplakan kajian)*

Banyak destinasi telah mewujudkan produk yang berasaskan ekopelancongan. Ini adalah kerana pelancong-pelancong lebih berminat untuk melawat dan menerokai tempat-tempat yang unik dari sumber alam semulajadi. Tetapi tidak semua destinasi ekopelancongan yang dijalankan menepati kriteria-kriteria ekopelancongan yang sebenarnya. Produk ini hanya boleh dilihat sebagai salah satu teknik pemasaran yang digunakan bagi menarik perhatian pelancong. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat sejauhmana kebenaran ekopelancongan di Langkawi.

Pemilihan Langkawi sebagai lokasi kajian adalah disebabkan persekitarannya yang masih memperlihatkan penjagaan alam semulajadi seiring dengan pembangunan pelancongan

yang pesat. Selain itu, Langkawi juga adalah sebuah tempat yang boleh dikatakan sebagai destinasi ekopelancongan yang berjaya menarik ramai pelancong atau pencinta alam semulajadi. Kewujudan aktiviti ekopelancongan ini bukan sahaja untuk menarik perhatian pelancong malahan bertujuan untuk memulihara persekitarannya dan juga tanggungjawab penjagaan kebajikan masyarakat tempatan. Oleh yang demikian, langkah-langkah yang sebaiknya perlu diambil untuk memastikan proses aplikasi ekopelancongan berjalan dengan lancar dan sewajarnya.

Sehubungan itu, kajian ini cuba untuk melihat sejauhmana pemahaman dan penglibatan masyarakat setempat terhadap aktiviti ekopelancongan yang wujud di sekitar mereka. Daripada kajian ini, diharapkan ia dapat membantu pihak organisasi yang terbabit dengan aktiviti ekopelancongan di Langkawi mengenalpasti tahap pencapaian aplikasi yang diterapkan dalam operasi yang dijalankan dan dengan cadangan-cadangan langkah selanjutnya bagi menguatkan lagi pembangunan pelancongan di Langkawi.

## **1.5 HIPOTESIS KAJIAN**

Hipotesis kajian perlu dibuat memandangkan terdapatnya penggunaan corak penyelidikan diskriptif dalam sebahagian kajian ini. Corak penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah survei atau pengagihan borang soal selidik kepada masyarakat tempatan di Langkawi. Oleh itu, hipotesis dibuat adalah berdasarkan kepada persepsi masyarakat terhadap aktiviti ekopelancongan di Langkawi seperti di sebelah;